

# 'Umno rela agih kerusi demi kemenangan BN'

BH - 09/07/2007

**B**UTTERWORTH: Datuk Seri Najib Razak meminta ahli Umno supaya menerima hakikat bahawa bukan semua bahagian dan kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya dimiliki parti itu sepenuhnya.

Sehubungan itu, Timbalan Presiden Umno mahu mereka akur dengan keputusan pucuk pimpinan yang menetapkan calon daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) demi menjamin kepentingan negara.

Beliau berkata, ahli Umno perlu bertolak ansur dan tidak perlu ber-

kecil hati kerana program pembangunan sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa di tempat yang tidak diwakili Umno.

"Ahli Umno perlu faham, bukan semua bahagian dan kerusi dimiliki Umno, kerana realitinya kita tidak ingin membolot semua kerana perlu menjaga hak kaum lain di negara ini.

"Bila mereka (kaum lain) bermuafakat bersama kita, orang lain (pembangkang) tidak boleh menggugat BN, yang mana Umno menjadi terasnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Bagan di sini, semalam. Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Bagan, Datuk Abdul Latiff Mirasa.

Najib mengakui keputusan menetapkan calon bukan Umno di kawasan majoriti Melayu bukan mudah, tetapi dilakukan demi mempertahankan janji dengan parti komponen BN.

Beliau memberi contoh pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok, Selangor, April lalu, yang 51 peratus penduduk di kawasan itu ialah Melayu, India (28) dan Cina (21).

BN mencalonkan Setiausaha MIC Tanjung Karang, K Parthiban manakala PKR, mencalonkan tokoh korporat, Tan Sri Abd Khalid Ibrahim. BN menewaskan PKR dengan majoriti 1,850 undi.

"Bukan senang untuk buat keputusan, tetapi kerana memikirkan kepentingan lebih besar, kita letak calon MIC, untuk buktikan semangat BN kuat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri mahu Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan kerajaan negeri mencari jalan supaya kesesakan luar

biasa di Stadium Negeri Batu Kawan ketika perlawanan akhir Piala FA, baru-baru ini tidak berulang.

"Kita kena buat cara baru pada masa akan datang, jangan berulang lagi. Pasal bola, sanggup letak kenderaan di tengah jalan, sampai orang lain dan Sultan (Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah) tak boleh lalu," katanya.

Pada 30 Jun lalu, Sultan Kedah yang terperangkap dalam kesesakan luar biasa, terpaksa berjalan kaki hampir dua kilometer untuk tiba ke stadium itu. //